

Ramaikan Bumiputera di industri hotel

# Rafidah gariskan langkah berkesan

PETALING JAYA, Isnin — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz menggariskan satu langkah berkesan untuk meramaikan Bumiputera dalam industri hotel di negara ini.

Beliau mengingatkan penyeritaan Bumiputera di bidang tersebut masih terlalu kecil dan ramai pula yang gagal separuh jalan.

Dari pengalaman di masa lalu, katanya, Bumiputera menghadapi kesukaran mengendalikan perniagaan hotel yang memerlukan modal besar, kemahiran dan kepakaran di bidang pengurusan dan pemasaran.

Oleh itu, katanya, Bumiputera hendaklah bergiat sama melalui institusi-institusi amanah Bumiputera yang ditubuhkan oleh kerajaan seperti Permodalanan Nasional Berhad (PNB), Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri (PKEN), Peremba, sebuah anak syarikat UDA dan badan-badan seumpamanya.

## Secara individu

Beliau gembira kerana institusi tersebut menunjukkan kemampuan mengurus dan menghasilkan kejayaan di bidang hotel.

Bercakap di satu sidang akhbar selepas menyaksikan kemajuan Hotel Subang View di sini hari ini, Datin Paduka Rafidah menegaskan perlunya Bumiputera melibatkan diri di bidang tersebut.

Beliau berkata, contoh-contoh ke-

jayaan Hotel Hilton yang sahamnya dipegang oleh Pemas, Hotel Holiday Inn oleh Perangsang, Desaru dan Pantai Motel harus dijadikan perangsang kepada usahawan Bumiputera.

"Untuk mengendali hotel secara individu, tentulah banyak masalah yang dihadapi terutama modal dan kemahiran," katanya.

Mengenai Subang View yang dibuka perniagaannya awal November lalu, Datin Paduka Rafidah berkata hotel tersebut terletak di tempat yang agak strategik — dekat dengan lapangan terbang dan kini mendapat sambutan yang amat baik.

Hotel berharga \$25 juta itu kini membuka 41 buah bilik dari 160 yang ada. Hampir kesemua bilik habis ditempah setiap hari.

## Tidak benar

Beliau berkata, empat orang eksekutif dari Jepun yang bekerja kini akan digantikan dengan anak-anak tempatan dalam masa tiga atau lima tahun lagi.

Menurutnya, 60 peratus pekerja yang ada ialah bekas kakitangan Hotel Abad Century yang ditutup pertengahan tahun ini yang telah diserap ke jawatan-jawatan di hotel baru itu.

Komposisi pekerja pula, 113 orang Bumiputera dan 64 bukan Bumiputera.

Menjawab pertanyaan, Datin Paduka Rafidah berkata, dakwaan kononnya hotel baru itu mengeneipkan Bumiputera adalah tidak benar sama sekali.

"Ini terbukti dari komposisi pekerja yang ada," katanya.